

14/12/1999

Sepuluh Exco Kedah angkat sumpah

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Isnin - Sepuluh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kedah, termasuk lima muka baru dengan seorang daripadanya wanita mengangkat sumpah jawatan di hadapan Sultan Kedah, di Istana Anak Bukit, di sini hari ini.

Lima muka baru itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Seri, Fadzil Hanafi; Prof Datuk Dr Othman Ishak (Jitra); Ahmad Bashah Md Hanipah (Alor Merah); Othman Md Aji (Bandar Baharu); dan Rosnah Majid (Tanjung Dawai).

Mereka mengisi kekosongan berikutan kekalahan empat Exco kepada calon Pas pada pilihan raya umum ke-10 lalu, manakala satu lagi menggantikan Datuk Syed Razak Syed Zain yang dilantik Menteri Besar menggantikan Tan Sri Sanusi Junid.

Lima Exco yang dikekalkan ialah Datuk Zainol Md Isa (Bayu); Hassan Bulat (Padang Mat Sirat); Datuk Beh Heng Seong (MCA-Gurun); Datuk V Saravanan (MIC-Bukit Selambau); dan Datuk Fong Chok Gin (Gerakan-Sidam).

Bagaimanapun, portfolio masing-masing akan ditentukan selepas mesyuarat pertama Exco, Rabu ini. Pelantikan Speaker dan Timbalan Speaker akan dilakukan pagi sebelum persidangan DUN, 28 Disember ini.

Sementara itu, Exco baru yang ditemui selepas majlis itu, mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Syed Razak yang memberikan kepercayaan kepada mereka untuk membantu memajukan negeri ini.

Rosnah yang bangga dipilih wanita pertama menganggotai Exco negeri berjanji memberikan perkhidmatan terbaik bagi memastikan Kedah mampu membangun dalam pelbagai aspek.

"Tanggungjawab yang besar ini akan saya pikul dengan penuh amanah bagi melihat Kedah maju setaraf negeri lain," katanya.

Ditanya mengenai pelantikannya sebagai Exco wanita pertama di Kedah, Rosnah berkata, beliau menganggapnya sebagai penghargaan kepada fungsi Pergerakan Wanita Umno dalam pembangunan parti dan negara.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, beliau akan berusaha membantu Syed Razak memantapkan jentera pembangunan negeri, terutama dalam menjadikan Kedah sebagai negeri perindustrian.

Fadzil pula berkata, beliau akan menggunakan pengalamannya berdakwah untuk meningkatkan kemantapan rohani masyarakat Islam di negeri ini dan menunaikan amanah secara berkesan.

"Saya juga bersyukur kerana pelantikan saya adalah satu pengiktirafan terhadap golongan agama untuk membantu dan berfungsi secara lebih berkesan membangunkan rakyat dan negara," katanya.

Othman pula berkata, beliau akan memberikan komitmen sepenuhnya kepada usaha memajukan negeri ini dan menggunakan pengalaman sebagai Setiausaha Politik dalam melaksanakan tugas.

(END)